

Kongsi idea pulihara biodiversiti

► *Peserta dari 13 negara sertai Program TCTP Sabah*

Oleh SURAIDAH ROSLAN

KOTA KINABALU: Kejayaan penganjuran Program Latihan Negara Dunia Ketiga (TCTP) kali pertama pada 2009-2011 menyebabkan negeri ini sekali lagi diberi kepercayaan untuk melaksanakan Program TCTP mengenai Pengurusan Bersepadu Biodiversiti dan Ekosistem pada tahun ini.

Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata, program itu bertujuan berkongsi pengalaman dengan negara sedang membangun dalam mengurus dan melaksanakan usaha pemuliharaan biodiversiti dan ekosistem

secara bersepadu dan teratur.

Beliau berkata, peserta sebelum ini turut memberi maklum balas positif bahawa selepas menyertai program ini mereka menerima pelbagai tawaran dalam bidang berkaitan konservasi di negara masing-masing.

Negara-negara itu kini berpotensi menjadi rakan kerjasama Malaysia dalam usaha pemuliharaan biodiversiti dan ekosistem.

Harun berkata, ia adalah contoh yang baik bagi kerjasama tiga penjurong antara Jepun-Malaysia (North South Cooperation) dan Malaysia-Negara-negara sedang membangun (South-South Cooperation).

“Kerjasama tiga penjurong

ini adalah antara langkah kerjasama antarabangsa bagi mendapatkan hasil yang mampan terutama dalam aspek biodiversiti dan konservasi ekosistem,” katanya pada Majlis Perasmian Sabah TCTP 2015 tentang Pengurusan Bersepadu Biodiversiti dan Ekosistem, di Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan (ITBC) UMS, di sini kelmarin.

Teks ucapannya disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMS Prof Madya Dr Ismail Ali.

Program TCTP itu adalah inisiatif Kementerian Luar dan Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun (Jica) Malaysia dengan kerjasama Kerajaan Negeri melalui



ISMAIL (lima kanan) bergambar bersama wakil peserta dari 13 negara yang mengambil bahagian dalam Program Latihan Negara Dunia Ketiga (TCTP) 2015

Jabatan Sumber Asli dan sokongan Pusat Biodiversiti Sabah (SaBC), Taman-Taman Sabah, Jabatan Perhutanan Sabah, dan Jabatan Hidupan Liar Sabah.

Harun berharap kerjasama sedemikian akan berterusan antara organisasi terlibat dalam usaha memulihara biodiversiti dan langkah untuk menjadikan Sabah

sebagai contoh terbaik dalam pemuliharaan biodiversiti dan ekosistem di peringkat kebangsaan, wilayah dan dunia.

Sementara itu, wakil Jica Malaysia Shinobu Yoshizawa berkata, usaha yang dilakukan dalam menganjurkan Program TCTP kali kedua itu adalah berikutan usaha yang dilakukan berikutan kerjasama

teknikal Jica dalam Projek Pemuliharaan Biodiversiti dan Ekosistem Borneo-BBEC) sejak 2002-2012 di negeri ini.

Oleh itu, baginya menyampaikan hasil kerjasama projek berkenaan, Kerajaan Malaysia bersetuju melaksanakan Program Latihan Negara Dunia Ketiga ini yang disertai oleh seramai 17 peserta daripada 13 negara.

“Saya percaya program ini adalah medium yang baik untuk peserta berkumpul bagi mendengar dan berkongsi pendapat mengenai isu berkaitan dengan pemuliharaan biodiversiti. Diharapkan peserta juga dapat meningkatkan pengetahuan mereka melalui perkongsian dan pertukaran maklumat dan idea ini,” katanya.